

## **KEPIMPINAN ISLAM DALAM MENGURUSKAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM**

*Islamic Leadership in Managing Islamic Financial Institutions*

**Siti Nur Zahirah Omar<sup>1\*</sup>**

**Shazwani Mohd Salleh<sup>2</sup>**

**Hafizah Zainal<sup>3</sup>**

**Siti Khalilah Basarud-Din<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia.

<sup>3</sup> Pusat Kajian Pengantarabangsaan Zakat Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah.

<sup>4</sup> Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia.

\*Corresponding author (Email: [sitinurzahirah@uitm.edu.my](mailto:sitinurzahirah@uitm.edu.my))

Diterima: 5 Februari 2021, Diproses: 7 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

---

**Abstrak:** Kajian mengenai kepimpinan menerusi tinjauan literatur memaparkan keperluan yang memerlukan penyelidikan lanjutan. Hal ini kerana, walaupun kajian mengenai kepimpinan hangat diperbincangkan oleh kebanyakkan penyelidik dalam mahupun luar negara dalam pelbagai disiplin ilmu, tetapi ianya masih belum menemukan satu kesimpulan yang konkret. Salah satunya adalah disiplin dalam konteks kepimpinan budaya Islam dalam menguruskan Institusi Kewangan Islam di Malaysia. Kemunculan beberapa istilah seperti pengurusan kualiti, kreativiti, inovasi, pengurusan saintifik, produktiviti dan sebagainya sedikit sebanyak memberi impak terhadap sistem kepimpinan itu sendiri. Oleh itu, kertas konsep ini cuba untuk mengetengahkan kepimpinan dalam Islam dari kaca mata kepimpinan berintegriti, sinergi, cemerlang. Hal ini menunjukkan bahawa Islam mempunyai pendekatan unik dalam mengkaji hubungkait di antara aspek kepimpinan dengan kepimpinan berintegriti, sinergi dan cemerlang. Seterusnya dapat melakukan penambahbaikan bagi menjamin kesejahteraan manusia dan persekitarannya. Rumusan, kesan dan cadangan kajian masa hadapan turut dikemukakan.

**Katakunci:** Islam, Kepimpinan, Integriti, Sinergi, Cemerlang

**Abstract:** Studies on leadership through literature review highlight needs that require further research. This is because, although the study of leadership is hotly discussed by many domestic and foreign researchers in various disciplines, but it still has not found a concrete conclusion. One of them is the discipline in the context of Islamic cultural leadership in managing Islamic Financial Institutions in Malaysia. The emergence of several terms such as quality management, creativity, innovation, scientific management, productivity and so on to some extent has an impact on the leadership system itself. Therefore, this concept paper attempts to highlight leadership in Islam from the perspective of integrity, synergy, excellent leadership. This shows that Islam has a unique approach in studying the relationship between aspects of leadership with leadership with integrity, synergy and excellence. Next, we can make

*improvements to ensure the well-being of human beings and their environment. Conclusions, implications and recommendations for future studies are also presented.*

**Keywords:** Islam, Leadership, Integrity, Synergy, Excellent

---

## PENGENALAN

Kepimpinan merupakan satu fitrah dalam kehidupan manusia. Sifat memimpin ini adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Setiap manusia dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai seorang pemimpin sama ada memimpin dirinya sendiri dan ahli keluarganya. Muhammad Khairi (2019) menyatakan bahawa kepimpinan dilambangkan sebagai satu seni, bakat, proses dan kreativiti. Proses kepimpinan ini mempunyai hubungkait dengan amalan mengetuai, keupayaan memimpin, berijtihad, merancang, menguatkuaskan, membimbang, memerintah, menggubal dasar, mengurus, ketanggungjawaban, memandu, menuntun, menunjuk, mempengaruhi, mengajak, mendidik, mengajar masyarakat kearah mencapai matlamat dan kebahagian hakiki melalui undang-undang yang diperintahkan oleh Allah (Muhammad Khairi, 2019)..

Kepimpinan Islam yang unggul dapat dilihat melalui pemerintahan di zaman baginda Rasulullah SAW dan juga diteruskan oleh para sahabat iaitu Khulafa' al-Rasyidin selepas kewafatan baginda. Pemimpin memainkan peranan penting dalam mengemudi sesebuah masyarakat atau kumpulan. Pemilihan seseorang sebagai pemimpin dilihat sebagai ketua kumpulan yang mampu mempengaruhi pengikutnya untuk mengikut segala tindakan yang telah dilakukan. Peribadi pemimpin memberi kesan kepada pengikutnya sama ada ke arah yang positif mahupun negatif. Islam menyeru supaya pemimpin yang ingin dipilih perlu mempunyai sifat-sifat terpuji supaya segala keputusan yang dilakukan oleh pemimpin tersebut adalah adil dan tidak menzalimi pengikutnya. Oleh yang demikian, Islam telah menetapkan syarat-syarat yang perlu ada di dalam seseorang pemimpin Islam seperti integriti, sinergi, cemerlang dan lain-lain. Justeru, kertas kerja konsep ini bertujuan mengetengahkan kepimpinan dalam Islam dari kaca mata kepimpinan berintegriti, sinergi, dan cemerlang. Hal ini menunjukkan bahawa Islam mempunyai pendekatan unik dalam mengkaji hubungkaitan di antara aspek kepimpinan dengan kepimpinan berintegriti, sinergi dan cemerlang.

## SOROTAN LITERATUR

### Kepimpinan

Terdapat beberapa istilah yang menggambarkan konsep pemimpin dan kepimpinan dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW antaranya istilah khalifah, imam atau imamah atau aimmah (Ahmad Tarmizi Zakaria, 2010). Istilah khalifah ditujukan kepada manusia yang dijadikan oleh Allah SWT untuk memikul tanggungjawab di muka bumi ini seperti firman-Nya:

“...Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..”

(al-Baqarah, ayat 30)

Sebagai khalifah di muka bumi, manusia terikat dengan tiga bentuk hubungan, iaitu:

- (i) Hubungan menegak, iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT. Dalam hubungan ini manusia menerima pimpinan Ilahi serta tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah dalam melaksanakan amanah-Nya.
- (ii) Hubungan dalaman, iaitu hubungan manusia dengan diri sendiri. Pada tahap ini manusia menggunakan ilmu naqliyah (ilmu agama) untuk mengembangkan ilmu aqliyyah yang mengandungi tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah di dalam alam.
- (iii) Hubungan melintang, iaitu hubungan antara manusia dengan manusia dan dengan makhluk lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seumpamanya. Pada tahap ini, kepimpinan manusia dilaksanakan, diminta pertanggungjawaban dan dinilai. Pengetahuan manusia tentang diri sendiri, alam sekitar, sejarah dan masyarakat, semuanya mesti diarah untuk meningkatkan iman dan amal soleh serta membantu manusia menjalankan hubungan menegak, hubungan dalaman dan hubungan melintang dengan sempurna. Firman Allah SWT:
- (iv) Surah As-Sajdah, ayat 24:

“...Dan Kami jadikan dari kamu ketua-ketua yang memimpin dengan perintah Kami, tatkala mereka telah sabar dan adalah mereka yakin kepada ayat-ayat Kami...”

(as-Sajdah, ayat 24)

Dalam konteks yang lain, Allah SWT juga menyuruh manusia berdoa kepada-Nya seperti firman-Nya:

“...Hai Tuhan Kami! Jadikan dari isteri-isteri kami dan anak cucu kami, penyelamat mata (menyenangkan hati) dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertakwa...”

(al-Furqan, ayat 74)

Penerangan dalam ayat-ayat di atas menjelaskan kepimpinan dalam konteks yang luas. Seorang pemimpin boleh jadi seorang ketua negara, mufti, hakim (qadi), menteri, wakil rakyat, ketua jabatan, penghulu, ketua keluarga dan apa sahaja yang membabitkan orang di bawah jagaannya.

### **Integriti**

Integriti adalah cerminan personaliti pemimpin dan perlu dipupuk nilainya. Nilai integriti merupakan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten disertakan komitmen secara menyeluruh sama ada melalui tindakan atau perkataan yang mampu menghasilkan kecemerlangan diri dan organisasi (Jamiah, 2005). Nilai kepimpinan integriti juga memberikan sumbangsih terhadap pembentukan visi, misi dan matlamat dalam menjayakan sesebuah organisasi (Kadir et al., 2010). Kajian yang dijalankan oleh Kadir et al, (2010) mendapati bahawa integriti kepimpinan menyumbang sebanyak 45.6 peratus terhadap pembentukan visi, misi dan matlamat. Integriti adalah faktor yang diamalkan oleh pemimpin bagi melestarikan keutuhan pengurusan organisasi (Syed, 2005). Sifat ikhlas, tegas, berani, istiqamah serta mengamalkan sistem syura bagi mencapai sesuatu keputusan perlu disemai dalam diri setiap

pemimpin. Penghayatan integriti juga sejajar dengan tuntutan Islam yang mengajar umatnya supaya menghayati adab dan akhlak yang mulia sebagaimana diperjuangkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadith, mafhumnya

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak’

(Riwayat AL-Bukhari).

Integriti mempunyai pautan yang amat rapat dengan sumber ke dua umat Islam. Pembentukan nilai-nilai integriti seringkali menzahirkan jati diri seseorang individu yang merangkumi nilai amanah, keikhlasan, ketelusan, keterbukaan, benar, berpegang kepada prinsip, boleh dipercayai, tidak mudah dipengaruhi dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Nilai amanah dalam perspektif al-Quran merupakan ‘*taklif*’ Allah dengan umat sejagat. Ulama Hadith mendefinisikan taklif amanah sebagai tanggungjawab yang dipikul kepada bahu manusia seperti iman sehingga Nabi SAW sendiri bersabda ‘*tidak ada agama bagi sesiapa yang tidak ada amanah*’ (Muhammad, 1995). Kepentingan nilai amanah ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

“...Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menghukum di antara manusia hendaklah menghukum dengan adil...”

(An-Nisa’ 4:58)

### **Sinergi**

Perkataan sinergi berasal daripada bahasa Yunani (Greek) sunergi yang bermaksud tolong menolong, dan sunergos yang bermaksud bekerjasama. Dalam bahasa Malaysia, sinergi sebagai interaksi antara dua ataupun lebih agen atau kekuatan yang melahirkan kesan yang lebih hebat daripada campuran tenaga agen-agen atau kekuatan itu. Konsep sinergi ini disebut oleh Allah SWT dalam firmanNya:

“...Jika ada dua puluh orang yang sabar di antara kamu, mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh. Dan jika ada seratus orang yang sabar di antaramu, mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir disebabkan orang-orang kafir itu golongan yang tidak mengerti...”

(Al-Anfal, Ayat 65)

Malahan, seseorang pemimpin itu sendiri harus mempunyai sifat sinergi dalam dirinya, dengan adanya ciri ini ia akan memberikan rasa kekeluargaan, dorongan dan semangat untuk menghasilkan sesuatu perkara dengan baik, serta dapat memudahkan pertumbuhan mental yang sihat (Moran, Harris & Moran, 2011). Tambahan lagi, apabila seorang pemimpin mampu bersinergi dengan baik dengan orang bawahannya, maka secara tidak langsung boleh mencipta satu alternatif baru serta dapat menyelesaikan permasalahan dengan baik secara berpasukan.

Di samping itu juga, keupayaan seseorang untuk bekerja secara sinergi adalah komponen yang terbesar untuk menjadi pemimpin yang dinamik (Burhanuddin, 2013). Tambahan, menurut Burhanuddin (2013), pemimpin sinergi ini adalah dilambangkan sebagai penghubung dan pendorong memulakan komunikasi, membina kepercayaan hubungan, membina visi, nilai

dan matlamat. Menjadi tanggungjawab mereka untuk melatih, menasihati dan sekali gus menjadi mentor kepada orang bawahan melalui proses perubahan organisasi. Kepimpinan melalui sinergi ini dapat membina kerja berpasukan yang berprestasi tinggi melalui tingkah laku, ia merangkumi semua pihak dari CEO sehingga pengurus barisan hadapan, sinergi keseluruhan organisasi bergantung kepada amalan prinsip kepimpinan yang baik, dan ini akan menjadi contoh seterusnya menjadi pemangkin kepada perubahan yang positif dalam organisasi itu sendiri.

Oleh itu, apabila pasukan kepimpinan berada di landasan yang sama, seluruh organisasi akan menjadi lebih kukuh dan ini menimbulkan kesenangan kepada pekerja kerana nilai – nilai teras dipraktikkan oleh pemimpin. Ini menunjukkan perkara ini dapat merapatkan jurang dan mewujudkan kesetiaan antara pihak pengurusan dan kakitangan apabila sinergi sikap itu di tunjukkan. Menjadi pemimpin yang berkesan dan cekap bermaksud menjaga pemikiran yang betul, optimis dan terbuka, bersedia melihat dan mendengar dari perspektif yang lain. Dengan ini, sinergi benar-benar boleh dicapai.

### **Cemerlang**

Apabila seseorang itu cemerlang dari segi kepimpinan, ini bermakna dia berjaya mempengaruhi individu-individu yang lain di dalam organisasi itu. Kebolehan mempengaruhi bergantung kepada unsur yang penting iaitu kuasa yang ada pada seseorang itu. Aspek kepemimpinan dan pengurusan yang datang daripada Barat tidak perlu digunakan secara menyeluruh kerana matlamat akhir kerangka penyelesaian umat tidak akan menemui jawapan tanpa mengambil panduan yang sempurna daripada al-Quran dan al-Sunnah. Kepemimpinan yang berlandaskan al-Quran dan sunnah serta pengambilan sumber yang meniru pendekatan para sahabat boleh melahirkan sebuah kerangka kepemimpinan untuk membangunkan sebuah negara dengan baik (Shukeri Mohamad, Ahmad Najib Abdullah & Mohamad Azrien Mohamed Adnan, 2012).

Ciri-ciri teori kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W yang dimaksudkan ialah: (i) Siddiq bererti benar, iaitu pemimpin selalu berkata, bersikap, berbuat atau berlaku benar, berpihak pada kebenaran dan membela kebenaran. (ii) Amanah bererti jujur, iaitu dipercayai, mampu memelihara kepercayaan rahsia orang lain, tidak menyalahgunakan kepercayaan orang lain, tidak menyembunyikan atau mengurangi segala sesuatu yang harus disampaikan pada umatnya. (iii) Tabligh bererti menyampaikan, iaitu menyampaikan maklumat yang perlu dan harus diketahui umatnya tanpa di selindung atau disembunyikan untuk kepentingan diri sendiri. (iv) Fathonah bererti bijaksana, iaitu mampu memahami ajaran dari Allah SWT dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi umatnya, mempunyai kebijaksanaan dan berlaku adil.

Sementara Aan Rukmana (2010), bersetuju dengan kenyataan di atas bahawa untuk mewujudkan pemimpin yang dinamis ada beberapa syarat yang mutlak dimilikinya iaitu nilai-nilai utama seperti kejujuran (siddiq), amanah (ammanah), menyampaikan (tabligh) dan cerdas (fathonah). Menurut kerangka konsep kepimpinan Islam yang diterbitkan oleh Adanan dan Khairunneezam (2012) menyatakan bahawa kepimpinan Islam yang meliputi sifat-sifat Rasulullah S.A.W boleh dikategorikan kepada tiga elemen utama iaitu Kemahiran Profesional yang mewakili sifat Fathonah, Keunggulan Peribadi yang mewakili Siddiq dan Amanah dan Kemahiran Sosial yang mewakili Tabligh.

Ditekankan di sini adalah sifat Fatanah atau kecemerlangan yang perlu ada dalam kalangan pemimpin meliputi sifat berilmu, bijaksana, profesional dan berhemah. Sifat-sifat ini sangat diperlukan dan tanpa ilmu semua akan musnah. Ini bersetujuan dengan Firman Allah Ta ‘ala dalam surah Ar-Rum:29 yang bermaksud "Akan tetapi orang-orang zalim mengikut hawa nafsu tanpa ilmu".

Pemimpin yang cemerlang berperibadi kuat seumpama besi waja, semakin dibakar oleh keadaan, semakin menghadapi cabaran hidup, semakin teguh melayari kehidupan. Seseorang yang berperibadi lemah laksana timah atau lilin, apabila terkena api hancur lebur. Apabila terketuk oleh cabaran berkecaci. Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia banyak memberi contoh yang cemerlang kepada kita semua. Lagi banyak masalah yang dihadapi, lagi bertambah kuat beliau. Seperti gam “exhaust pipe”, semakin kepanasan, semakin keras mencengkam. Orang lain sudah habis idea, beliau keluar pula dengan idea (pencetus penyelesaian masalah) yang mengejutkan. Itulah yang amat kita kagumi mengenai Y.Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bersifat semakin tercabar, semakin gagah.

Pemimpin yang cemerlang juga sentiasa berpegang kepada falsafah (Nur Hidayah Marzuki, 2015). Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Fokusnya ialah untuk mencapai kejayaan, mencapai matlamat yang telah ditetapkannya dengan penuh kesungguhan dan keberanian. Sesuai dengan kata-kata nasihat Paul Getty, seorang pemimpin tersohor barat mengatakan untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan, seseorang itu hendaklah melakukan dua perkara iaitu tetapkan satu matlamat besar dan mencapainya dengan penuh keberanian. Pemimpin yang cemerlang tidak mengeluh atau mengecam bila ditimpa musibah atau terdapat kekurangan pada dirinya. Sebaliknya ia menggunakan kekurangan itu untuk kebaikan kepada dirinya serta orang lain.


Pemimpin yang cemerlang tidak mengetepikan kecaman-kecaman musuhnya misalnya dengan terus mengatakan orang itu salah (Mohammad, 2015). Tetapi, ia akan mendengar kecaman- kecaman tadi dan memikirkan betulkah ia salah atau tidak. Perlu diingat, bahawa bila orang mengecam, tentulah ada sebab-sebabnya. Kadang – kadang daripada kecaman orang lain, kitab oleh dapat petunjuk untuk membaiki diri dan kerja kita. Presiden Abraham Lincoln pernah dikecam oleh Menteri Pertahanannya, Edward Stanton. Ia telah digelar oleh Stanton sebagai seorang dungu. Adakah Lincoln marah dan memecat Menteri Pertahanan itu? Tidak, sebaliknya ia telah bertanya kepada Stanton mengapa ia berkata demikian? Stanton telah menerangkan bahawa Langkah Lincoln memindahkan beberapa batalion tentera ke suatu tempat itu hanya akan merugikan kerajaan Amerika Syarikat. Presiden Lincoln yakin terhadap penjelasan Stanton itu, lalu menarik balik rancangannya tadi.

Menurut Mohd Zamir dan Aida Hanim (2019), pemimpin yang cemerlang memandang sesuatu kegagalan itu pada sudut positif. Mereka memandang kegagalan sebagai guru terbaik dalam konteks mencapai kejayaan. Oleh kerana itu, orang-orang yang positif walau betapa teruk pun mereka jatuh akan terus berusaha untuk bangun semula serta berusaha mengukir kejayaan yang lebih besar daripada sebelum mereka mengalami kegagalan atau kejatuhan. Oleh itu, janganlah sekali-kali berputus asa. Sikap berputus asa adalah amalan syaitan. Allah mencintai makhluk-makhluknya yang positif dan cekal serta sentiasa memohon keredaanNya.

Pemimpin yang hebat tidak memaksa orang untuk mengikuti. Sebaliknya, pemimpin yang hebat memberi motivasi kepada orang. Mereka mendorong orang lain untuk mengikutinya. Menjadi pemimpin yang berkesan memerlukan fokus, ketekunan dan

pembinaan pasukan yang bertanggungjawab dan dirancang untuk mendapatkan hasil yang berterusan. Tanpa pasukan tidak akan ada kepemimpinan yang sebenar.

### **Model Kajian**



Rajah 1: Model Nilai Kepimpinan Islam

### **Kesimpulan, Kesan dan Kajian Masa Hadapan**

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengetengahkan kepimpinan Islam yang perlu ada pada setiap pemimpin yang berkualiter. Ini kerana, penerapan kepimpinan yang sinergi, integriti, cemerlang dapat menyumbang kepada pemantapan kualiti kerja dalam institusi bagi melahirkan pemimpin yang cemerlang dan terbilang. Malah, menjadi tanggungjawab setiap pemimpin untuk menerapkan nilai integriti, sinergi dan cemerlang dalam diri secara konsisten. Selain itu, hasil dapatan kajian ini menjadi wahana dan perangsang kepada pemimpin-pemimpin dalam memperkasakan lagi kemahiran pengurusan dengan mengambil kira nilai-nilai kepimpinan yang dicadangkan. Kertas cadangan ini merupakan cadangan konsep. Oleh itu tiada bukti empirikal yang disediakan. Cadangan kajian akan datang akan mengesahkan cadangan yang diketengahkan dengan bukti-bukti hasil dapatan kajian secara empirikal.

### **Rujukan**

- Abdul Ghaffar Hj. Don and Jaffary Awang. (2009). Knowledge Management and its Impact on Islamic Da'wah: A Historical Perspective. *Journal of Islam and Arabic Education* 1 (2), 61-68.
- Ahmad Tarmizi Bin Zakaria. (2010). National Pre University Seminar 2017 Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Qur'an Universiti Selangor GD. *Journal of Governance and Development*, 53(6), 53 – 68.
- Aida Hanim A. Hamid and Mohd Zamir Mohd Sharif. (2019). Gaya Kepimpinan Islam: Gaya Kepimpinan Baharu Dalam Kalangan Pengetua. *International Journal of Education and Pedagogy*. 2(2), 46-57.

Burhanuddin Jalal (17 Jun 2013). Sinergi Ulama, Umara Bina Modal Insan. Di petik dari Berita harian bertarikh 17 Jun 2013.

Hailan Salamun, Hamdan Aziz, Fadzli Adam, Mustakimah Husein, Nik Anis Suhaila Nik Mohd & Rofishah Rashid. (2017). Kepemimpinan Politik Melayu Membangunkan Masyarakat Bertamadun. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Dipetik daripada: [https://www.risda.gov.my/images/pdf/Penerbitan/Dasar\\_Kualiti/2010/Bil-12-2010/21.pdf](https://www.risda.gov.my/images/pdf/Penerbitan/Dasar_Kualiti/2010/Bil-12-2010/21.pdf)

Jamiah Manap (2005). Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf berkualiti. *Seminar Kebangsaan sumber manusia, Universiti Teknologi Malaysia*, (2&3 Februari 2005).

Junoh, A. M., & Noor, K. M. (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW.

Kadir, M. B. A., Azman, N., & Ibrahim, M. S. (2010). Pengaruh Integriti Kepemimpinan terhadap Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi MARA [Influence of Leadership Integrity in Implementation of Total Quality Management in MARA Higher Education Institutions]. *Akademika*, 78, 67-75.

Mohamad, Shukeri, Ahmad Najib Abdullah, and Mohamed Adnan. (2012): Rahsia kepimpinan Islam dan kejayaan negara menurut huraian Al-Quran. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference*, 343-357.

Mohammad Ghazali. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoristik. *Jurnal Syariah*, 23(2), 255-286.

Moran, R. T., Harris, P. R., & Moran, S. V. (2011). Managing cultural differences: leadership skills and strategies for working in a global world; global leadership strategies for cross-cultural business success. Elsevier.

Muhammad Abdul Rahman Bin Abdul Rahim Al-MubarakFurry Abul Illa'(1995) .Juzuk 6, Ter. Dar Al-Kutub Ilmi, Beirut, hlm 337.

Nur Hidayah Marzuki @Yahaya. (2015). Leadership in Quality Management – An Islamic Perspective. *International Journal of Business and Social Science*. Centre of Islamic Development Management (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.Vol. 6, No. 8, p158-163.

Rukmana, A. (2010). *Seyyed Hossein Nasr's Concept of Intellect and Its Difference with Immanuel Kant's Thought* (Doctoral dissertation, Islamic College-Paramadina University).

Syed Azauddin Syed Bahaldin. 2005. Alternative Quality Management Standards – Islamic Perspective. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.